

# Jambatan akhirnya runtuh

*Usaha letak sangkar batu halang hakisan tidak berhasil*

**HULUYAM**- Beberapa penduduk di Kampung Lekok, dekat sini, meluahkan rasa kesal berikutan kegagalan pihak berwajib menyelesaikan masalah hakisan hingga menyebabkan jambatan yang dahulunya hanya ditutup sementara akibat masalah itu akhirnya runtuh.

“Kesudahannya jambatan ini runtuh dan langsung tidak boleh dilalui,” luah seorang penduduk, Law Kee Huat.

Menurutnya, masalah hakisan tebing yang teruk dipercayai punca utama kejadian itu berlaku.

Katanya, walaupun pihak berwajib telah meletakkan sangkar batu untuk mengukuhkan tebing yang menyokong struktur jambatan besi itu, namun arus deras dengan paras air Sungai Liam

yang meningkat susulan hujan berterusan mengakibatkan runtuhan.

“Setakat ini, kita tidak tahu bagaimana tindakan susulan pihak berwajib kerana jambatan sudah tidak ada sokongan. Tebingnya runtuh bersama sangkar batu yang menyokongnya,” katanya.

Kee Huat berkata, penduduk hanya berharap ada tindakan segera dilakukan pihak berwajib supaya jambatan itu boleh digunakan semula selepas ia runtuh sejak hampir sebulan lalu.

Katanya, keadaan diburukkan lagi dengan hujan lebat berterusan dan tidak menentu menyebabkan runtuhan tebing makin teruk.

Seorang lagi penduduk, Ng Poh Heng berkata, masa-

**“Pihak kerajaan negeri sepatutnya lebih serius mengambil tindakan penyelesaian.”**

**Poh Heng**

lah hakisan itu tiada kesudahan walaupun pernah diambil tindakan sebelum ini.

Menurutnya, bukan sekali masalah sama diajukan tetapi sudah beberapa kali mendapat perhatian termasuk pihak media.

“Pihak kerajaan negeri sepatutnya lebih serius mengambil tindakan penyelesaian agar tidak menanggung kerugian dengan kos berlebihan jika dibaiki sekali lagi,” katanya.



**Keadaan jambatan Kampung Lekok yang runtuh akibat hakisan.**